



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 16 OGOS 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **28 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **8,859 kes** (96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 16 Ogos 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **25 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **9,200 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 216 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 25 kes baharu yang dilaporkan, 16 kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan 11 **warganegara Malaysia** dan lima (5) **bukan warganegara**. 16 kes import tersebut adalah dari negara:

- i. Thailand (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- ii. Hong Kong (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- iii. Indonesia (2 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- iv. India (2 kes di Selangor; 1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- v. Arab Saudi (3 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- vi. Pakistan (2 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- vii. Yaman (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- viii. Lubnan (1 kes di Selangor);
- ix. United Kingdom (1 kes di Selangor); dan
- x. Jepun (1 kes di Selangor).

Terdapat sembilan (9) kes **penularan di dalam negara**, yang melibatkan tujuh (7) **warganegara Malaysia** dan dua (2) **bukan warganegara**.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara di kalangan **warganegara Malaysia** (7 kes) adalah:

- i. Kedah:
  - Lima (5) kes daripada Kluster Tawar (situasi terkini kluster ini akan diperincikan di bawah).
- ii. Sabah:
  - Satu (1) kes saringan pra pembedahan di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

iii. Pulau Pinang:

- Satu (1) kes daripada Kluster Tawar.

Terdapat dua (2) kes jangkitan dalam negara yang dikesan di kalangan **bukan warganegara** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kedua-dua kes ini adalah merupakan saringan rawak di tempat kerja oleh Pejabat Kesihatan Daerah di mana ianya telah melibatkan pekerja kedai makan.

Telah tular di media sosial notis penutupan kedai makan tersebut dan menimbulkan sedikit keresahan di kalangan pelanggan. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah akan menjalankan **pengesanan kes secara aktif** di mana siasatan lanjut dan persampelan akan diambil. Kedai makan tersebut telah ditutup buat sementara waktu bagi tujuan pembersihan dan nyahkuman.

Sehingga kini, terdapat **tujuh (7) kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana dua (2) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** penambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **125 kes** (1.36 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

### **STATUS TERKINI KLUSTER TAWAR**

Adalah dimaklumkan bahawa terdapat enam (6) kes baharu dilaporkan bagi Kluster Tawar pada hari ini, iaitu lima (5) kes di Kedah dan satu (1) kes di Pulau Pinang. Ini menjadikan jumlah kes dikesan positif COVID-19 bagi kluster ini sebanyak 39 kes.

Sehingga 16 Ogos 2020 jam 12 tengah hari, seramai 899 orang telah disaring dalam kluster ini. Pecahan saringan mengikut negeri yang terbabit adalah seperti berikut:

1. Kedah (727 disaring):

- 35 kes dikesan positif COVID-19;
- 643 individu negatif; dan
- 49 individu masih menunggu keputusan.

2. Pulau Pinang (164 disaring):

- 4 kes dikesan positif COVID-19;
- 155 individu negatif; dan
- 5 individu masih menunggu keputusan.

3. Perak (8 disaring):

- Tiada kes dikesan positif COVID-19;
- 5 individu negatif; dan
- 3 individu masih menunggu keputusan.

Pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat masih diteruskan bagi kluster ini dan situasi semasa akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM menyeru orang ramai agar terus amalkan nasihat-nasihat yang sering ditekankan oleh KKM sebagai satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian. Antara nasihat-nasihat tersebut adalah seperti berikut:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bersejajala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bersejajala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bersejajala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

16 Ogos 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 16 OGOS 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	31
<b>KEDAH</b>	5	174
<b>PULAU PINANG</b>	1	129
<b>PERAK</b>	0	269
<b>SELANGOR</b>	5 (5)	2,149
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0	1,034
<b>MELAKA</b>	0	259
<b>JOHOR</b>	0	750
<b>PAHANG</b>	0	370
<b>TERENGGANU</b>	0	114
<b>KELANTAN</b>	0	160
<b>SABAH</b>	1	416
<b>SARAWAK</b>	0	682
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	13 (11)	2,542
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	99
<b>W.P. LABUAN</b>	0	22
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>25 (16)</b>	<b>9,200</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import